

Bab 5

Kesimpulan: Peranan dan sumbangan adat ke atas amalan hidup masyarakat Bidayuh

Sather melalui pengamatannya tentang adat pernah menegaskan;

“ ... adat as something rather more binding , and less tangential to the existence of orderly social life, than is generally implied by the English notion of custom. In this sense, the Iban concept differs. Large areas of adat have a strongly normative character. Thus rules of adat tend to stipulate, in a normative sense, what an individual should or should not do in varying circumstances. Adat defines correct behaviour and is seen as essential to the maintenance of moral order and the continued existence of society itself” (Sather dalam Sandin 1980:xiii).

Huraian di atas mempunyai pengertian yang tepat dengan mengaitkannya dengan konsep kosmologi orang Bidayuh yang menganggap adat sebagai mekanisme yang mengawal setiap makhluk di alam semesta menurut hukum alam. Menurut kosmologi orang Bidayuh hukum alam ini ialah adat. yakni bertolak dari tanggapan bahawa adat merupakan manifestasi yang terangkum dalam hukum alam. Oleh itu, adat yang berprinsipkan hukum alam mendukung nilai dan peraturan yang harus dipatuhi mengawal serta menentukan perlakuan seluruh ahli masyarakat dalam bertindak. Pendek kata, adat wujud sebagai *'mutual co-operation'* yang mengekalkan ia sebagai etika atau tatacara sosial yang bertindak mengawal serta memelihara keharmonian masyarakat.

Peranan serta operasi adat secara tidak langsung menyumbang kepada pembentukan tamadun masyarakat pribumi. Ini jelas dengan memperlihatkan pengaruh adat ke atas amalan sosio-budaya, ekonomi dan politik yang diamalkan mengikut prinsip yang dicirikan oleh adat. Dengan melihat kepada konsep adat maka aspek kosmologi kewujudan

masyarakat pribumi dapat difahami dengan lebih jelas berasaskan sistem amalan dan kepercayaan yang diamalkan. Adat yang wujud pada prinsipnya yang berasaskan nilai sakral lisan mendukung makna serta sifatnya yang bukan sekadar mencakupi hukum alam semulajadi atau etika moral tetapi juga membentuk sistem amalan kepercayaan atau agama yang diamalkan oleh individu atau masyarakatnya. Oleh itu, bagi masyarakat Bidayuh prinsip adat memiliki konsep yang sangat kuat pengaruhnya ke atas sistem kepercayaan atau agama yang diamalkan. Sistem kepercayaan atau agama ini pula lahir daripada suatu bentuk ideologi yang menganggap adat sebagai suatu manifestasi yang terbit dari hukum alam semulajadi. Semangat adat ini semakin kuat dalam alam kepercayaan dan agama berasaskan pada prinsip iaitu;

"... it is believed that the gods and spirits are themselves subject to adat. Adat comprises a 'divine cosmic order and harmony... designed to ensure a mutually satisfactory relation between men and other inhabitants of the universe.' Any offence against adat disturbs this universal order. Thus the state of harmony or equilibrium is said to exist between mankind, nature and the spiritual world. Any infraction of adat disturbs this harmony and creates a state of disequilibrium in man's relationships with gods and spirits" (Jensen 1974:112).

Seperti yang telah dibincangkan pada awal kajian, alam kehidupan masyarakat pribumi terjalin kukuh serta banyak dipengaruhi oleh alam semulajadi yang wujud saling-bergantungan disekelilingnya. Dalam kata lain, alam kehidupan masyarakat Bidayuh tidak wujud sendiri kerana adanya suatu bentuk perkongsian atau hubungan erat dengan alam hidupan semulajadi yakni tumbuhan, binatang, serangga serta pelbagai hidupan di samping organisma bukan hidup lain di sekelilingnya. Kehidupan menurut semangat adat menyumbang kepada proses di mana realiti hidup yang berterusan diimbangi oleh kewujudan alam semulajadi dan alam supernatural berasaskan falsafah yang menganggap semua benda mempunyai semangat.

Dengan kepercayaan demikian maka semangat adat yang ditaati memainkan peranan penting bukan sekadar bertindak mengawal tindakan, perlakuan dan sikap individu tetapi juga mencorakkan sistem kepercayaan dan agama yang dihubungkan dengan budaya dan sistem nilai sosialnya. Adat sesungguhnya satu himpunan kepercayaan yang wujud dalam sifatnya yang kompleks dan pragmatis. Ia kompleks dan pragmatis kerana dicirikan oleh dua prinsip penting iaitu mendukung kepercayaan nenek moyang yang berkonsepkan pemujaan unsur supernatural dan kepercayaan kepada tuhan yang satu dengan kuasa tertinggi yakni suatu '*prima causa*' dari kehidupan manusia. Ini membawa pengertian sistem kepercayaan atau agama yang terangkum dalam adat dibentuk oleh keadaan di mana hubungan manusia dengan tuhan, manusia dengan manusia, manusia dengan roh nenek moyang dan manusia dengan segala hidupan lain di sekelilingnya. Hubungan saling-bergantungan hukum alam dengan alam supernatural adalah suatu fenomena yang lahir sekaligus meresap masuk ke dalam nilai sosio-budaya, ekonomi dan politik yang diamalkan.

Demikian pula hubungan manusia dengan alam semulajadi membawa kesan ke atas perlakuan sosio-budaya dan amalan sistem ekonomi. Ini menguatkan lagi betapa peranan serta operasi adat membawa kepada keseimbangan manusia alam dengan keutuhan nilai budaya dan sistem kepercayaan yang menjadi asas hubungan manusia alam dan tuhan dalam kewujudannya. Dengan adanya proses hubungan ini maka peranan serta operasi adat menyumbang kepada sifatnya yang unik kerana adanya integrasi nilai budaya dan kepercayaan yang dijunjung. Konsep adat yang kukuh dengan prinsip ini secara tidak langsung menjadi pemangkin hubungan berterusan sekaligus bertindak sebagai alat

kawalan sosial yang efektif. Berdasarkan tanggapan ini, maka masyarakat Bidayuh taksub dengan kepercayaan bahawa membelakangkan adat dalam setiap tindakan mahupun perlakuan boleh mengundang musibah kecelakaan dan kesengsaraan. Seperti yang diperkatakan oleh Heppell;

"While actions contrary to adat are thought likely, in many instances, to provoke the displeasure of the gods and spirits that are involved, not abstract, notions of universal harmony" (Heppell 1975:227)

Oleh itu, semangat adat terbit bukan sekadar nilai atau etika moral yang menentukan tatacara bertindak tetapi juga sebagai prinsip atau pedoman dalam merencana segala tindakan dalam kehidupan. Bagi masyarakat Bidayuh keutuhan sistem adat pada prinsipnya wujud berasaskan kepada falsafah mempertahankan sistem adat sebagai alat kawalan sosial yang harus dipatuhi dan dipertahankan. Adat yang pada prinsipnya terikat dengan hukum alam menuntut agar setiap individu yang menjunjungnya memelihara adab-tertib dalam bertindak demi keutuhan serta keseimbangan sistem sosial dan alam semulajadi sentiasa terpelihara. Semangat adat sesungguhnya sentiasa kekal dengan prinsipnya dalam keadaan hidup di mana masyarakat meletakkan seluruh pandangan hidup ke dalam sistem hukum atau nilai yang terangkum dalam adat.

Dengan adanya kepercayaan begitu maka adat sering dikaitkan dengan elemen sakral yang dijemakan melalui proses ritual yang mana pengertiannya akan terpancar melalui simbol atau sakral lisan yang wujud dalam diri individu secara Lahiriah mahupun batiniah. Kepercayaan semangat adat dalam bentuk lahiriah menentukan suatu bentuk pegangan yang menekankan kesempurnaan alam kehidupan terbentuk oleh sikap mempercayai lambang atau simbol sakral lisan yang wujud disekelilingnya. Lambang atau

simbol sakral lisan ini pula dipercayai mendukung prinsip bahawa segala bentuk fenomena alam semulajadi terjadi kerana adanya hubungan manusia-alam dalam bentuk fizikal mahupun spiritual dengan semangat dan tuhan. Dengan adanya proses saling bergantung ini maka semangat adat dalam institusi sosial bertapak kukuh malah kekal menjadi amalan kepercayaan masyarakat Bidayuh tradisi.

Selain itu, semangat adat dari aspek batiniyah dijemakan oleh suatu proses di mana keutuhan prinsipnya terjalin erat dengan kepercayaan '*religio-magis*' yang menganjurkan suatu sistem kepercayaan yang cenderung kepada elemen sakral atau kuasa ghaib (supernatural). Prinsip ini menerapkan makna yang tersirat kerana semangat adat yang dipercayai dan diamalkan dalam setiap tindakan serta perlakuan wujud sebagai satu kesatuan yang mampu menyatukan sesuatu kejadian atau peristiwa di luar fenomena logikal atau pemikiran biasa. Prinsip adat dalam kes ini tidak mungkin dapat disamakan dengan sistem undang-undang konvensional kerana ia lebih cenderung kepada mekanisme kawalan sosial yang berlandaskan hukum alam. Falsafah yang tersedia terangkum dalam adat membentuk hukum semulajadi yang perlu dipatuhi oleh setiap individu dan sekiranya diabaikan nescaya akan ditimpa bala atau malapetaka serta-merta. Suatu bentuk hukuman yang dari segi falsafahnya wujud dalam kepercayaan diri individu.

Konsep kepercayaan yang menguatkan keutuhan adat dalam amalan hidup masyarakat. Untuk mengembalikan kesejahteraan fizikal dan spiritual maka ia menuntut bayaran dalam bentuk wang ringgit, harta benda atau melakukan ritual menurut adat yang telah ditetapkan. Fenomena ini menguatkan lagi tanggapan bahawa adat bukan hanya terbentuk atas prinsip yang menentukan nilai kepercayaan atau agama yang diamalkan

tetapi juga membentuk serta mengekalkan kosmologi sosial masyarakat tradisi. Kosmologi masyarakat Bidayuh misalnya terbentuk oleh agama serta sistem kepercayaan yang terjalin-erat dalam semangat adat. Selain itu, prinsip adat tidak hanya terhad ke atas kosmologi kepercayaan sosial tetapi juga turut menyumbang ke arah pembentukan nilai dan etika sosial yang menjadi asas pegangan moral individu dalam kehidupan. Adat menyelit kriteria moraliti yang dipatuhi malah dijadikan pedoman hidup individu mahupun masyarakat dalam setiap tindakan serta perlakuan untuk mengekalkan institusi sosial dalam keadaan harmonis.

Kriteria moral yang dianjurkan dalam adat bukanlah suatu bentuk moral yang mutlak sebaliknya bersifat relatif. Dalam adat tidak wujudnya aspek moral yang mutlak jika difahami dari falsafah adat yang lahir akibat pegangan agama atau sistem kepercayaan yang dipengaruhi oleh hukum alam semulajadi. Dalam hal ini, aspek moral lebih bersifat relatif kerana ia bergerak seiring dengan hukum alam yang wujud disekelilingnya. Dalam realiti kehidupan aspek moral yang diaplikasikan dalam perlakuan dan tindakan tidak semestinya sama ataupun statik tetapi bersifat pragmatik mengikut kesesuaian situasi, peristiwa, masa dan tempat. Contohnya apabila upacara ritual dilaksanakan menurut adat biasanya ia akan melibatkan hukum pantang larang yang harus dipatuhi oleh individu atau masyarakat. Bentuk pantang larang pula biasanya bergantung kepada kesesuaian tuntutan ritual atau menurut budi-bicara Tua Gawai yang akan menjalankan sesuatu upacara ritual.

Dalam pada itu, peranan serta operasi adat tidak hanya terbatas ke atas kawalan sosial tetapi juga secara tidak langsung menyumbang kepada corak struktur sosial masyarakat Bidayuh tradisi. Seperti yang telah dibincangkan, entiti unit sosial yang

mencorakkan asas struktur sosial terangkum ke dalam tiga perspektif iaitu Rawang (asas unit keluarga sosial), Botang Romin (unit sosial peralihan) dan Rumpun dialek (unit sosial berdasarkan sistem dialek). Pembentukan struktur sosial yang sebegitu rupa lahir daripada proses hubungan yang berpaksikan atas prinsip sentimen kepentingan bersama, semangat kekerabatan (geneologi), ekonomi, praktik ritual, kepercayaan agama malah dalam kehidupan tradisi ia terbit sebagai nilai 'status-quo' masyarakatnya.

Sesungguhnya konsep Rawang sebagai asas unit sosial adalah manifestasi yang wujud atas prinsip 'dualisme' di mana dari aspek fizikal ia adalah kerangka Rumah Panjang dan dari aspek ritual ia adalah entiti yang terpisah. Contoh yang jelas bagaimana peranan serta operasi adat begitu dominan ialah wujudnya sentimen semangat kekerabatan atau kepentingan bersama dalam bentuk fizikal mahupun spiritual dalam diri setiap individu. Dari aspek fizikal adat mensyaratkan keberadaan asas unit sosial harus dipelihara supaya ia kekal wujud sebagai entiti perkongsian bersama. Dengan mendukung prinsip adat segala benda atau harta pusaka menjadi milik atau perkongsian bersama. Semangat adat diserapkan dalam aktiviti ekonomi di mana setiap ahlinya membentuk kesatuan yang bersatu mengerjakan sawah atau ladang atas prinsip perkongsian bersama. Sawah misalnya diusahakan secara kolektif di mana tenaga kerja dikerah bersama dan hasil tanaman padi pula dikongsi bersama.

Oleh itu menjadi tanggungjawab setiap ahli asas unit sosial menjaga bukan hanya harta pusaka atau warisan nenek moyang tetapi memastikan keadaan struktur ruang (bilik) unit sosial sentiasa terpelihara. Ini termasuklah tiang, atap, papan, bentuk serta segala harta pusaka yang menjadi entiti asas unit sosial berada dalam keadaan yang terpelihara. Keadaan

ini dipelihara kerana ada semangat adat dalam peranan serta operasinya melalui hukum spiritual membentuk suatu kepercayaan yang meletakkan prinsip 'religio-magis' ke dalam paradigma pemikiran dan amalan hidup setiap ahlinya. Dalam konteks ini, status-quo keahlian seseorang individu dalam sesebuah unit sosial ditentukan oleh elemen geneologi atau sentimen kekerabatan. Dengan berpandukan adat status-quo keahlian seseorang individu dalam unit sosial dengan melihat kepada konsep kekerabatan secara spiritual tidak terjejas walaupun dalam masa yang sama dia tidak lagi tinggal di dalamnya. Namun begitu, dengan menganggap dirinya sebahagian daripada kekerabatan yang sama maka hak serta status-quo ke atas unit sosial tidak luput dari aspek spiritual.

Demikian juga haknya ke atas harta pusaka yang menjadi warisan. Harta pusaka seperti gong, canang, tajaw, tembikar, manik-manik, barangan tembaga dan lain-lain lagi dari aspek spiritual dianggap sebagai benda yang bernyawa malah ada yang taksub menganggap ia mempunyai semangat. Dengan kepercayaan ini maka semangat adat sentiasa hidup dan dipatuhi oleh setiap penghuni yang tinggal mahupun berada di luar unit sosial. Oleh itu, kerana ada semangat atau kepercayaan yang mencirikan kosmologi masyarakatnya maka peranan serta operasi adat seolah-olah menjadi pemangkin ke atas pembentukan struktur sosial yang bersatu dan harmonis. Demikian juga konsep Botang Romin adalah unit sosial yang berdaulat dan wujud secara kolektif dan berfungsi sebagai entiti perundangan yang sah. Keadaan ini bertolak daripada prinsip adat bahawa Botang Romin memiliki status ritual yang berasaskan kepada kebenaran alam realiti spiritual. Dalam Botang Romin misalnya setiap unit sosial mempunyai status-quo serta terikat oleh sentimen kekerabatan atau kepentingan bersama setiap ahlinya. Namun status-quo yang ada

tidak memberikan ruang sepenuhnya kepada setiap ahlinya dalam tindakan atau perlakuan kerana terikat dengan adat.

Adat yang diamalkan pula memaksa setiap ahlinya supaya tunduk serta patuh kepada tatacara atau peraturan yang termaktub dalam hukum adat dari aspek fizikal ataupun spiritual. Dalam Botang Romin masyarakat di satukan di bawah sistem adat. Dari aspek fizikal seluruh ahli masyarakat Botang Romin bersatu membentuk kerangka organisasi sosial dalam satu sistem adat yang didukung bersama. Dari aspek spiritual pula struktur unit sosialnya terpisah dan tidak menyeluruh kerana kegiatan ekonomi, konsep pemilikan tanah dan warisan harta pusaka tidak menjadi milik bersama. Aktiviti ekonomi yang dilakukan lebih kepada sistem ekonomi individu dan tidak melibatkan unit sosial yang lain. Begitu juga dengan harta pusaka atau warisan lain, hak penjagaan atau pemilikan terletak kepada penghuni asas unit sosial (Rawang) dalam Botang Romin. Selain itu, peranan serta operasi adat turut menyumbang kepada pembentukan corak politik yang diamalkan. Dalam sistem Botang Romin struktur organisasi politiknya dicirikan oleh prinsip iaitu seseorang ketua harus mempunyai karisma kepimpinan semulajadi yakni pakar dalam aspek ritual dan diterima oleh masyarakat.

Selain itu, dia juga hendaklah mahir dan arif dengan nilai serta norma yang terangkum dalam adat. Dalam hal ini, seseorang ketua harus memiliki keistimewaan mengaplikasi nilai serta norma sosial menurut hukum adat dalam bentuk fizikal mahupun spiritual untuk mengekalkan keharmonian sosial. Seperti yang telah dibincangkan pada awal kajian, struktur politik yang wujud terbentuk oleh hubungan serta integrasi mekanisme hukum alam semulajadi yang melatari alam persekitarannya. Walker misalnya pernah menegaskan;

"For Bidayuh, cosmic attributes underpinned and were social and political formations, which the capacity to influence he would of spirits and the forces of nature advantage constituting a central function of Bidayuh political leadership" (Walker 1998:92).

Justeru itu, dalam setiap tindakan atau perlakuan individu atau masyarakat diikat oleh suatu himpunan peraturan yang termaktub dalam adat. Begitu juga, semua penghuni akan tertakhluk kepada kontrak sosial yang menentukan tatacara dalam bertindak demi memelihara serta mengawal kesejahteraan masyarakat. Konsep '*individualism*' atau mementingkan diri tidak diterima ke dalam sistem kehidupan masyarakat Botang Romin. Sebaliknya konsep perkongsian bersama adalah syarat utama yang harus diamalkan menurut hukum adat untuk mengekalkan kesejahteraan masyarakat dari aspek fizikal mahupun spiritual.

Dalam pada itu, struktur sosial masyarakatnya yang kompleks dengan variasi dialek yang pelbagai serta kuatnya sentimen '*etnocentrisme*' dalam diri setiap kelompok etnik cenderung membawa kepada sistem sosial berkelompok serta berpecah mengikut entiti etnik yang lebih kecil. Namun begitu, struktur sosial dari segi fizikal nampak terpisah tetapi dari segi spiritual ia adalah entiti yang membentuk kesatuan yang bersatu dalam prinsip adat kerana adanya hubungan serta integrasi sosial dalam lingkungan sempadan petempatan. Kesatuan yang berpadu asas prinsip adat terbit melalui proses hubungan serta integrasi sentimen kekerabatan atau faktor geneologi. Oleh itu, dari aspek spiritual ia secara tidak langsung menyumbang kepada keutuhan struktur sosial kehidupan tradisi yang berorientasikan adat. Sesungguhnya keadaan hidup berdasarkan Botang Romin adalah asas sosial yang melahirkan kerangka kehidupan sosial atau '*microscop*' masyarakat secara

menyeluruh. Nilai dan falsafah yang mencirikan kewujudan kehidupan Botang Romin adalah manifestasi yang tertakhluk kepada suatu bentuk mekanisme yang lahir atas ketentuan adat yang diamalkan.

Seperti yang telah dinyatakan, alam kehidupan orang Bidayuh tidak wujud sendiri sebaliknya dikongsi bersama dengan makhluk seperti semangat dan pelbagai panorama supernatural lain yang ada disekelilingnya. Adat pula dilihat sebagai saluran bagi individu berkomunikasi atau berinteraksi dengan alam spriritual melalui kaedah ritual. Amalan ritual pula merupakan manifestasi yang terbit dalam adat berperanan mengawal serta mengekalkan keharmonian fizikal mahupun spiritual dalam diri individu serta masyarakat seluruhnya. Ia adalah mekanisme yang berfungsi sebagai penghubung manusia dengan alam spiritual di mana Tua Gawai dengan kepakaran yang dimiliki akan memutus dan mengesahkan kesesuaian tuntutan ritual yang dilakukan. Dalam hal ini, Tua Gawai adalah kuasa mutlak yang akan menentukan sama ada sesuatu tindakan yang akan dilakukan sah atau sebaliknya menurut hukum ritual. Dalam proses ritual hukum pantang larang adalah tuntutan mutlak yang mesti dipatuhi. Misalnya dalam proses pembukaan tanah untuk aktiviti pertanian kesahan tindakan perlu mendapat restu ritual.

Demikian juga ritual dilaksanakan dari proses awal pembukaan tanah seperti menebas, menebang, membakar sehinggalah ke proses penanaman dan ia tidak terhenti di situ malah membentuk proses yang berterusan sehingga ke peringkat tuaian dan pemprosesan hasil tanaman. Pelaksanaan ritual juga tidak hanya terbatas kepada aspek ekonomi tetapi juga diaplikasikan ke atas aspek sosio-budaya dan politik. Melalui adat konsep agama serta sistem kepercayaan yang dijunjung contohnya meletakkan proses

ritual sebagai asas yang menguatkan lagi keutuhan prinsipnya dalam amalan individu atau masyarakat. Justeru itu, kerana ada ideologi kepercayaan demikian maka setiap aspek kehidupan yang berorientasikan adat terikat dengan manifestasi ritual. Begitu juga sistem sosial kekal terpelihara dalam keadaan harmonis kerana ada amalan ritual yang dipatuhi menurut adat. Sistem politik yang dipraktikkan misalnya tertakhluk ke atas tuntutan ritual yang mana seseorang Tua kaum bukan sahaja memiliki kebolehan atau karisma memimpin tetapi juga mesti pakar dalam menguasai hukum ritual. Ini disebabkan elemen ritual merupakan manifestasi yang terbit dalam adat yakni menuntut setiap individu mahupun masyarakat mentaatinya dalam setiap aspek kehidupan. Pendak kata, setiap aspek kehidupan dikawal dan ditentukan oleh hukum ritual.

Seperti yang telah dibincangkan, ritual menjelmakan suatu proses interaksi manusia dengan alam spiritual untuk menghadirkan suasana harmonis dalam diri individu serta masyarakat. Justeru itu, masyarakat Bidayuh percaya malapetaka atau kesengsaraan yang menimpa manusia atau hidupan lain akan mendapat balasan yakni musibah akibat gangguan ke atas alam spiritual. Sekiranya berlaku keadaan sedemikian maka upacara ritual atau '*ethical defence*' dilaksanakan untuk berinteraksi dengan alam spiritual untuk melindungi dan mengekalkan mereka dalam keadaan harmonis.

Fungsi serta operasi adat tidak hanya terbatas kepada sifatnya sebagai mekanisme kawalan sosial tetapi juga membentuk institusi undang-undang tradisi yang terisi dalam diri individu pengamalannya. Dalam kehidupan orang Bidayuh misalnya, adat menyelitkan tiga prosedur penyelesaian konflik yang biasanya akan dirujuk apabila berlakunya perselisihan. Prosedur ini menetapkan proses penyelesaian menurut prinsip

teori, fizikal dan lisan. Konflik yang berlaku sama ada serius atau sebaliknya akan diselesaikan dengan merujuk prinsip adat di atas mengikut situasi serta kesesuaiannya untuk membolehkan penyelesaian dicapai secara adil dan saksama. Walau bagaimanapun, pelaksanaan prinsip penyelesaian ini bergantung kepada budi bicara atau kata putus Tua kaum atau Pingara iaitu Hakim yang akan mengadili sesuatu konflik yang berlaku. Dengan mengaplikasikan prosedur penyelesaian dari aspek teori Tua kaum biasanya akan menggunakan bidang kuasa yang ada padanya untuk menetapkan sebarang bentuk keputusan dan ia adalah sah dan muktamad tanpa meniadakan hak individu atau masyarakat yang terlibat.

Jika sekiranya sesuatu kes yang dianggap tidak serius misalnya perselisihan yang melibatkan dua pihak bertelagah maka Tua kaum akan memanggil semua ahli jawatankuasa yang telah dilantik serta seluruh ahli kerabat terdekat pihak yang terlibat sahaja ke majlis yang dipengeruskannya. Tujuannya memanggil ahli kerabat terdekat sahaja ialah untuk mengelak daripada berlakunya kerumitan dalam memutuskan keputusan pengadilan. Majlis ini dipanggil 'Bechara' dan berperanan sebagai mahkamah tidak formal bagi penyelesaian konflik dalam amalan masyarakat Bidayuh. Dalam Proses perbicaraan yang dilakukan setiap orang akan diminta untuk bersuara dan memberi pendapat terhadap kes yang diadili. Selepas itu ahli jawatankuasa yang telah dilantik pula akan berhujah dan bertindak sebagai mejistret dalam menasihati Tua kaum untuk memutuskan sebarang keputusan yang bakal ditentukan.

Walaupun begitu, keputusan yang dicapai tidak semestinya muktamad kerana Tua kaum mempunyai bidang kuasa menolak usul dan berhak membuat keputusan menurut

budi-bicara sendiri yang difikirkan sesuai demi menjamin hak serta kepentingan pihak yang terlibat. Biasanya kes yang tidak serius akan diselesaikan dengan kata nasihat agar kedua-dua belah pihak berbalah duduk berunding untuk berdamai dan tidak memanjangkan konflik. Dalam kata lain, menjadikan masalah rumit menjadi mudah dan masalah kecil menjadi tiada. Inilah suatu bentuk penyelesaian konflik menurut semangat adat yang dari segi falsafahnya diterima-pakai serta berkesan sebagai alat kawalan sosial yang kuat dalam amalan masyarakat Bidayuh.

Selain itu, prosedur penyelesaian konflik dari aspek teori juga menjadi lebih berkesan apabila ia melibatkan tuntutan ritual. Tindakan menceroboh, menebang pokok, mengopek rebung, dan sebagainya di kawasan huma orang lain secara sengaja atau sebaliknya dianggap sebagai satu bentuk kesalahan yang sangat serius. Tindakan ini dipercayai akan mengundang bencana bukan sahaja ke atas tanaman tetapi juga membawa padah kepada keharmonian seluruh ahli keluarga empunya huma. Jika pantang-larang yang telah dilanggar tidak diendah atau dibayar oleh si pesalah maka dipercayai keluarga mangsa akan ditimpa malapetaka fizikal mahupun spiritual seperti akan jatuh sakit sehingga boleh membawa maut. Untuk mengelakkan keadaan ini berlaku maka kedua belah pihak diminta berunding dengan disaksikan oleh Tua Gawai. Jika rundingan tidak mencapai kata putus atau keputusan yang dicapai bersifat tidak adil maka tua Gawai akan menggunakan kuasa mutlak menurut budi bicara untuk menetapkan bentuk penyelesaian yang harus diterima oleh kedua pihak yang terlibat.

Dalam kes ini, si pesalah yang melanggar pantang-larang diminta untuk membayar ganti rugi dengan membiayai sepenuhnya upacara ritual yang akan dilakukan

semula di atas tapak huma mangsa. Ini bertujuan untuk mengembalikan serta mengekalkan keluarga mangsa dalam keadaan harmonis. Prosedur penyelesaian begini adalah mekanisme adat yang dijemakan dalam prinsip ritual yang mana membentuk hukum sosial yang mengawal serta memelihara keharmonian masyarakat. Proses penyelesaian begini biasanya sangat efektif serta diterima-pakai sebagai amalan penyelesaian konflik kerana semulajadi tersirat falsafah adat harus dipatuhi serta dijunjung. Menidakkan adat nescaya mengundang kedaifan serta kesengsaraan dalam hidup. Bentuk kepercayaan inilah yang menjadikan semangat adat sentiasa hidup dan diguna-pakai sebagai alat kawalan sosial dalam masyarakat Bidayuh.

Demikian juga, proses penyelesaian konflik tidak hanya melibatkan prinsip teori tetapi juga melibatkan proses fizikal diaplikasikan untuk melicinkan pelaksanaan undang-undang sosial. Dalam kehidupan orang Bidayuh sesuatu bentuk perselisihan yang berlaku jika tidak dapat diselesaikan menurut perundingan lisan ataupun keputusan yang dibuat dianggap tidak sah serta menimbulkan keraguan bukti maka jalan penyelesaian ialah menggunakan prosedur fizikal. Proses penyelesaian ini diterima dan dianggap sangat berkesan dalam menegakkan hak serta kepentingan individu atau masyarakat yang terlibat. Ini disebabkan dalam kes penyelesaian konflik yang berlaku adanya kuasa spiritual yang dipercayai terlibat dalam menentukan kebenaran dalam proses menyelesaikan masalah.

Proses menyelesaikan konflik menurut prinsip fizikal terbahagi kepada beberapa bentuk mengikut kesesuaian konflik yang hendak diselesaikan. Sebagai contohnya apabila seseorang itu didakwa mencuri, menipu, memfitnah dan sebagainya tetapi menafi serta mencabar pihak pendakwa agar mengemukakan bukti maka prosedur seperti *masang apui*

kuwang payang, *nyipa manuk* dan *menyeram pi'in* perlu dilaksanakan. Dalam proses ini tertuduh serta pihak pendakwa akan diarah beradu (suatu bentuk perlawanan menyalakan api dengan menggunakan isi kepayang dan menyelam dalam air) untuk menghuraikan kebenaran konflik yang hendak diselesaikan. Menurut proses ini jika tertuduh tewas dalam pertandingan tersebut maka tertuduh didapati bersalah ke atas pertuduhan yang dibuat ke atasnya dan jika keadaan sebaliknya berlaku dia diisytiharkan sebagai tidak bersalah.

Begitu juga melalui proses *nyipa manuk* (menyapa bunyi burung) tertuduh akan dianggap bersalah apabila ritual yang disembah disapa oleh bunyi burung dan begitu juga sebaliknya. Prosedur penyelesaian tidak terhad kepada proses di atas malah proses pertandingan juga dilaksanakan dengan beradu kekuatan. Proses ini dipanggil '*Beraga pi'in poras*' (merendam tangan dalam air mendidih) dan '*beraga apui*' (menggenggam bara api) menuntut pihak yang berkonflik beradu mengambil telur dalam air mendidih dan menggenggam bara api dengan tangan terikat. Prosedur penyelesaian ini biasanya alternatif terakhir digunakan untuk menyelesaikan konflik yang dianggap serius dan tidak dapat diselesaikan melalui proses perundingan biasa. Segala bentuk keputusan yang dibuat dianggap sah dan muktamad malah tidak boleh dipersoalkan kerana diperkuatkan oleh elemen spiritual. Kedua-dua pihak yang terlibat akur serta patuh dengan keputusan yang diputuskan kerana elemen spiritual dipercayai mengesahkan kebenaran serta keadilan yang dicari. Pendek kata, proses pengadilan spiritual mengatasi segalanya dalam menegakkan keadilan sosial. Dalam proses ini adat dirujuk dan memainkan peranan penting sebelum sebarang bentuk keputusan diputuskan. Justeru itu, bagi masyarakat Bidayuh penggunaan kaedah penyelesaian menurut ketentuan adat diperakui dan diterima-pakai sebagai prosedur kawalan sosial yang efektif terutamanya dalam era kehidupan tradisi.

Selain itu, proses penyelesaian konflik juga dilaksanakan dengan mengaplikasikan prosedur perundingan yang mendukung konsep *Bechara* atau *Ngudung*. Apabila berlakunya konflik pihak yang terlibat akan dipanggil untuk menghadiri proses perbincangan yang diketuai oleh 'Pingara' ataupun Penghulu bergantung kepada bentuk konflik yang berlaku. Kes yang tidak serius biasanya diadili oleh Pingara manakala bagi kes yang dianggap rumit dan serius akan dikendalikan oleh Penghulu. Proses perbincangan ini dikenali sebagai *Bechara* atau *Ngudung* (mesyuarat) dan dihadiri oleh kaum kerabat pihak yang terlibat. Dalam proses penyelesaian kes peranan orang tengah ataupun perantara yang mewakili kedua belah pihak penting untuk menentukan keputusan yang bakal diputuskan.

Walau bagaimanapun, Pingara atau penghulu mempunyai bidang kuasa dalam memutuskan sesuatu kes dengan menggunakan kuasa budi-bicara. Penggunaan kaedah penyelesaian konflik begini juga diterima-pakai sebagai salah satu cara terbaik dalam menyelesaikan konflik yang berlaku. Kaedah penyelesaian konflik yang diamalkan seperti di atas adalah suatu bentuk manifestasi perundangan yang terbit dalam adat berperanan dalam menentu serta mengawal tindak tanduk sosial. Adat yang dijunjung berfungsi menyediakan suatu bentuk tatacara nilai dan norma yang digunakan oleh masyarakat untuk mengimbangi serta memelihara kesejahteraan sosial. Oleh yang demikian, masyarakat Bidayuh terisi dengan semangat adat membentuk hukum dan nilai yang sentiasa hidup dalam budaya tradisi yang diwarisi turun-temurun.

Kesimpulannya dalam realiti kehidupan orang Bidayuh adat dijunjung serta dipelihara untuk membolehkan mereka sentiasa 'terjamin' oleh kedamaian dan

kesejahteraan. Sementara kekekalan dan keberadaan adat dalam amalan kehidupan orang Bidayuh bergantung kepada sikap dan sifat yang memelihara serta mengekalkan prinsip tradisi yang sedia ada. Adat bukan sahaja membentuk satu himpunan alat kawalan sosial yang mengawal serta memelihara keharmonian sosial yang efektif malah ia juga lahir serta berperanan meletakkan asas yang menjadi syarat utama menjamin keutuhan institusi sosial masyarakat Bidayuh dalam sifat yang asasi. Segala bentuk pengubahsuaian atau pembaharuan ke dalam adat perlu dinilai serta dianalisa secara spesifik tanpa menjejaskan konteks asal. Usaha mengkodifikasi ke dalam bentuk manuskrip daripada warisan secara lisan membolehkannya kekal wujud sebagai mekanisme kawalan sosial seiring dengan perundangan moden sekular yang diamalkan. Walhal dalam konteks sosial masyarakatnya, semangat adat sentiasa ditaati dan terus hidup subur dalam diri individu sebagai alat kawalan sosial yang efektif.

Oleh yang demikian, bagi orang Bidayuh asas keutuhan kehidupan yang sempurna adalah realiti yang terpancar dalam adat. Andai adat luntur '*intensiti*' serta '*integriti*' maka kehidupan akan hilang identiti yang wujud seiring dengannya. Kehidupan tanpa adat ibarat bangsa tanpa '*identiti*' dan '*budaya*' yang membentuk asas cerminan '*tamadun*' masyarakatnya.

~~~~~ *TAMAT* ~~~~~